

# Harapan UMS Untuk Melahirkan Graduan yang Berkualiti

Oleh Norfadilah Araboh

[ymardhiya@gmail.com](mailto:ymardhiya@gmail.com)



Ybng. Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Bin Abdullah sedang memberikan ucapan

Foto Oleh Norfadilah Araboh

**“Aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak UMS bukan sahaja untuk memupuk minat para pelajar, bahkan pula untuk mengasah bakat dan sikap kepimpinan pelajar untuk menjadi graduan yang berkualiti.”**

KOTA KINABALU, 8 MAC - Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Majlis Amanat Naib Canselor 2017 yang disampaikan oleh Ybng. Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Bin Abdullah. Majlis Amanat tersebut telah berlangsung dengan jayanya di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2 bertemakan UMS Mengoptimumkan Sumber, pada 7 Mac 2017 bermula pada pukul 9.00 pagi.

Misi dan Visi yang selaras dengan falsafah yang disampaikan oleh Datuk Harun iaitu UMS berusaha melahirkan graduan-graduan yang berkualiti menyebabkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar lebih menggalakkan program-program kesukarelawan dan kemasyarakatan untuk membentuk keperibadian para mahasiswa.

“Urusan-urusan berkaitan pelajar turut dipermudahkan seperti menyediakan penginapan dan kemudahan yang kondusif serta menstruktur program latihan dan kepimpinan pelajar sebagai persediaan sebelum bergelar graduan.” kata Datuk Harun pada Majlis Amanat Naib Canselor 2017.

Menurut beliau, untuk kemasukan pelajar sesi 2017/2018 akan datang, satu program akademik prasiswazah baharu akan ditawarkan oleh UMS iaitu Sarjana Muda Pendarasan Islam dengan Keujian. Seramai 20 pelajar yang akan ditawarkan untuk mengikuti program ini.

Tambah beliau lagi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meluluskan dua lagi program prasiswazah iaitu Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas.

Menerusi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (3P1M) KPT telah mewujudkan satu instrumen yang dipanggil Purata Nilai Gred Purata Kumulatif (iCGPA) untuk mengukur tahap dan perkembangan pelajar dari semester satu sehingga semester terakhir demi mempertingkatkan kebolehpasaran graduan.

Oleh yang demikian, UMS akan melaksanakan penilaian iCGPA ini bermula pada sesi 2017/2018 yang akan melibatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan (FKJ) dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakauan (FPEP), umum Datuk Harun.

Salah seorang pelajar yang menghadiri Majlis Amanat Naib Canselor 2017, Azwan Bin Amir, 22, daripada Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan mengambil jurusan Geografi

berkata bahawa peluang-peluang yang ditawarkan semasa penyampaian amanat tersebut banyak memberi peluang keemasan kepada pelajar untuk mencari pengalaman disamping menuntut ilmu di universiti.

Tambahnya lagi, untuk menjadi graduan yang berkualiti bukan hanya mendapat pointer yang tinggi bahkan juga pengalaman semasa mengikuti program yang berpotensi mengasah bakat dan sikap kepimpinan didalam seseorang untuk digunakan



Pada hadirin dan hadirat

Foto Oleh Norfadilah Araboh

dialam pekerjaan kelak.

Tidak dinafikan tentang cabaran-cabaran semasa yang dihadapi dalam pekerjaan mahupun kehidupan serba sedikit memberi kesan terhadap segelintir kakitangan awam sehingga diklasifikasikan sebagai berprestasi rendah, menurut Datuk Harun.

Oleh yang demikian, segala pengalaman yang ditimba boleh diaplikasikan sebaik mungkin oleh para pelajar dalam pekerjaan sekaligus menjadi graduan yang berkualiti keluaran UMS.

Suhaila Sudiman, 21, pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan turut berkata bahawa pemilihan fakulti mereka FKJ dalam pelaksanaan penilaian iCGPA ini sekaligus mampu menerapkan semangat positif didalam diri mereka untuk menunjukkan perkembangan semasa menuntut ilmu dan sebagainya sehingga semester akhir.

Pemilihan tersebut seperti memberi penghormatan dan kepercayaan pihak UMS agar mereka terus meningkatkan prestasi diri dan berjaya menjadi graduan keluaran UMS yang berkualiti.